

UMS tubuhkan jawatankuasa bertindak

Untuk mencegah penularan wabak Novel Coronavirus (nCoV) di universiti tersebut

UB 03/02/20 4

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menubuhkan sebuah jawatankuasa bertindak untuk mencegah penularan wabak Novel Coronavirus (nCoV).

Menteri Pelajaran dan Inovasi Datuk Dr. Yusof Yacob menjelaskan selain itu, UMS juga bakal melaksanakan saringan kesihatan imbasan suhu di pintu masuk universiti berkenaan memandangkan UMS merupakan salah satu destinasi pelancongan.

"Kitaagakbimbang kerana terdapat 600 pelajar warga China dalam kalangan ahli graduat dan pos-graduat.

"Untuk itu, sebagai langkah pencegahan satu sekretariat dan jawatankuasa bertindak ditubuhkan kerana UMS adalah salah satu lokasi pelancongan dan menerima purata 1,000 pelancong setiap hari yang hampir 80 peratus daripadanya merupakan warga China.

"Saringan imbasan suhu perlu dilaksanakan di pintu



YEE SANG: Yusof (tengah) menggaol Yee Sang bersama jawatankuasa penganjur majlis.


masuk utama UMS bagi memastikan semua individu termasuk pelajar dan pelancong yang datang bebas daripada penyakit dan demam.

"Sekiranya ada pelajar yang tidak dapat datang kerana ada kekangan penerbangan mungkin ia boleh menggunakan sistem online di mana kita boleh menghantar nota kuliah," katanya.

Beliau berkata demikian

pada Majlis Tahun Baharu Cina kali kelima anjuran bersama Masyarakat Cina Muslim Malaysia (MACMA) Cawangan Sabah, Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM) Sabah dan Hidayah Centre Sabah di sini, pada Jumaat lalu.

Majlis diserikan dengan pelbagai acara termasuk persembahan tarian singa dari Kelab Tarian Singa Muda Mudi (KTSMM)



ANGPAU: Golongan kanak-kanak turut menerima angpau.

Penampang, nyanyian, tarian dan pemberian angpau kepada kanak-kanak.

Hadir bersama Pengerusi MACMA Sabah Ritchie Jay Cheng dan mantan Datuk Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) Datuk Yeo Boon Hai.

Sementara itu, Presiden MACMA Malaysia Prof. Datuk CHM. Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata, majlis yang diraikan itu cukup bermakna

terutama dalam kalangan saudara baharu.

"Ini yang kita ingin tunjukkan bahawa Islam tidak menghalang perpaduan dalam kalangan adik-beradik yang berbeza agama.

"Perayaan seperti hari raya, tahun baharu cina dan lain-lain boleh dirayakan bersama-sama selagi tidak melanggar hukum syarak," katanya ketika pada majlis itu. — Penerangan